

Kuala Lumpur

## Pemacu industri, institusi TVET perlu kerjasama

Pemacu industri perlu bergerak seiring dengan institusi Latihan Teknikal dan Pendidikan Vokasional (TVET) untuk menghasilkan pekerja mahir berkualiti seiring keperluan negara.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) Prof Dr Wahid Razzaly berkata, ketika ini masih ada tembok kaca yang menghalang kerjasama antara kedua-dua pihak.

“Hari ini kita lihat tidak banyak industri yang sanggup menjalin kerjasama dengan institusi TVET sebagaimana di negara luar.

“Pelajar yang mengikuti



**DR Wahid**

TVET hanya diperkenal dengan modul pembelajaran di institusi berbanding merasai dan melihat sendiri apa yang berlaku di dunia pekerjaan sebenar.

“Begitupun, dengan pelaksanaan Pelan

Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) serta beberapa pelaburan lain, kita yakin tembok kaca ini akan menipis dan pecah satu hari nanti,” katanya.

Beliau ditemui selepas menyampaikan hasil pembentangan di sesi selari pada Persidangan Asia Pasifik Mengenai Pendidikan dan Latihan (ACET) 2015 di sini, semalam.

Jelas Dr Wahid, ada beberapa perkara yang perlu dilaksanakan.

“Dalam industri umpamanya, mereka perlu wujudkan satu persekitaran mengaitkan pihak institusi TVET. Hasilkan sesuatu produk di institusi TVET,” katanya.